

TONIK SEGERA JUN HOONG

Kuala Lumpur

Dinobatkan sebagai Olahragawati Kebangsaan 2017 buat kali pertama menyuntik semangat buat ratu terjun negara, Cheong Jun Hoong memburu lebih banyak kejayaan gemilang selepas ini.

Mengakui terkilan kerana tidak dapat bersama menerima anugerah yang disampaikan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V itu kerana perlu fokus kepada kejohanan Siri Terjun Dunia yang kedua di Jepun bermula hari ini, Jun Hoong bagaimanapun mengakui dia cukup gembira dengan penganugerahan itu.

"Saya sangat kecewa kerana tidak dapat menerima anugerah itu, tetapi saya ada tanggungjawab lain dan semuanya adalah untuk satu tujuan yang baik iaitu berusaha membawa nama negara ke peringkat lebih tinggi dalam sukan terjun ini.

"Terima kasih atas pengiktirafan ini dan kepada semua termasuk Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, MSN (Majlis Sukan Negara), ISN (Institut Sukan Negara)," katanya.

Jun Hoong menganggap penganugerahan itu sebagai tonik berharga buatnya menjelang temasya Komanwel di Gold Coast, Australia bulan depan.

Bagaimanapun, pemenang pingat perak Sukan Olimpik Rio dalam acara 10m terjun seirama itu mengakui banyak yang perlu dilakukan agar dapat kembali ke prestasi terbaik secepat mungkin.



DARI kiri, Jun Hoong, Dhabitah, Pandelega dan Mun Yee kini berada di Jepun bagi menyertai Siri Terjun Piala Dunia kedua di Jepun.

HARIAN METRO 15/3/2018 p.51

■ Pengiktirafan Olahragawati Kebangsaan 2017 suntik semangat jaguh terjun negara buru kejuaraan



SULTAN Muhammad V (kanan) diiringi Khairy menyampaikan trofi kepada Jun Hoong yang diwakili adiknya (kiri) pada Majlis Anugerah Sukan Negara, kelmarin.

Dia yang kini berada di Jepun untuk menyertai Siri Terjun Piala Dunia kedua di Jepun akan turun beraksi dalam acara 10 meter seirama bergandingan dengan Pandelega Rinong, hari ini.

Selain itu, satu lagi pasangan terjun negara, Nur Dhabitah Sabri dan Leong Mun Yee akan beraksi dalam acara 3m papan anjal seirama.

Pada siri yang pertama di Beijing, China, gandingan Jun Hoong bersama Pandelega meraih pingat perak dalam 10 meter platform seirama.